

Kesukaran hidup harian dijadikan sumber inspirasi. Itulah yang dilakukan dua pelajar lulusan Diploma Seni Halus daripada Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) yang 'menterjemahkan' perjalanan hidup dalam karya mereka.

Wartawan **SHAHIDA SARHID** (sshahida@sph.com.sg) mewawancara mereka.



**BERCANGGAH:** Encik Muhammad Asyraf Said menggunakan gambar pocong dan menjadikan sejadah sebagai latar belakang karya kerja seninya. – Foto NAFA

## Cabaran hidup jadi sumber inspirasi

SEPANJANG hidupnya, terutama semasa di sekolah, Encik Muhammad Asyraf Said sudah lalu dicemuh dan dikritik disebabkan raut wajahnya.

Anak sulung tiga beradik itu dilahirkan dengan kecacatan pada wajahnya akibat penyakit ganjal.

Beliau seorang sahaja di antara adik-beradiknya yang mengalami penyakit itu.

Namun tidak sedikit pun Encik Asyraf, 21 tahun, menjadikan cemuh yang dilemparkan kepadanya itu sebagai hambatan meneruskan hidupnya.

Malah, beliau sering membuktikan kebolehannya dalam apa jua bidang yang diceburinya.

"Jika ada yang menyatakan saya tidak aktif, saya boleh berlari dan melibatkan diri dalam kegiatan jasmani.

"Tiada yang menghalang saya. Saya sama sahaja dengan semua orang. Cuma wajah saya sahaja...." ujarnya.

Lantaran itu bagi projek tahun akhirnya, pelajar Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) itu telah mendapat inspirasi daripada hidup yang dilalui sebagaimana inti pati karya beliau.

Karya Encik Asyraf telah dipamerkan dalam acara *The Grad Expectation 2017* – satu pertunjukan yang menampilkan hasil kerja lulusan diploma dan ijazah di Nafa.

Lebih 550 hasil kerja pelajar daripada bidang Desain Tiga Dimensi, Desain dan Media, Seni Halus serta pengajian Fesyen dikenangkan.

Apa yang menonjol tentang karya Encik Asyraf, lulusan Diploma Seni Halus yang gemar

melukis sejak kecil lagi, ialah pemilihan makhluk halus atau lebih tepat lagi pocong sebagai bahan lukisanannya.

Menurut beliau, sifat pocong yang melompat-lompat 'meminta' tolol seakan-akan sama dengan sifat seniman sepertinya, yang meminta long ketika berada dalam kesusahan.

Dan sebagai memberi 'percanggahan' kepada karyanya, Encik Asyraf melukis pocong itu di atas sejadah.

Di sekitar latar belakang sejадah itu ditulis dalam tulisan Jawi mengenai cemuhuan yang dilemparkan kepadanya.

"Sebagai seniman ada kalanya kami alami kesukaran memastikan hasil titik peluh kami dibeli dan dihargai.

"Ekoran ketidaktentuan itu, pastinya apa yang perlu kami lakukan ialah sering tawakal dan ini dapat dilihat dengan sejádah sebagai latar belakang karya," kongsinya.

Ternyata karyanya seakan mencerminkan cabaran yang dihadapinya dengan beliau kini mengalami kesukaran mencari pekerjaan tetapi selepas tamat pengajian.

Beliau kini bekerja secara sambilan di Masjid Al-Mawaddah – mengarahkan pemandu yang ingin meletakkan kenderaan di pekarangan masjid itu dari 6.30 petang hingga waktu tarawih.

"Saya ada terima beberapa kerja bebas membuat seni mural dan sebagainya tetapi ia tidak tetap."

"Namun saya akan tetap berusaha mengegah karya saya dengan lebih gigih lagi," katanya.



**SENANG HADAPI CABARAN:** Encik Muhammad Asyraf Said yang dilahirkan dengan wajah tidak sempurna menghadapi segala cabaran dengan penuh keyakinan dan ketenangan. – Foto ZALEHA ABDUL KADER

## Menjahit bak terapi dan rutin hidup harian



**GIGIH MENJAHIT:** Projek Cik Nuridah Rostam berjudul 'Uncontrollable' ini memaparkan hasil jahitan yang menurutnya bak satu rutin, sama seperti kehidupannya. – Foto NAFA

SEMASA mengambil keputusan peperiksaan GCE 'O' sekitar empat tahun lalu, Cik Nuridah Rostam menangis teresak-esak.

Ia bukan kerana keputusannya yang tidak memuaskan, tetapi kerana anak bongsu tiga beradik itu baru mendapat tahu beliau menghidap barah tiroid.

"Bagaimanapun, saya tetap berfikiran positif, sekurang-kurangnya saya masih hidup dan penyakit saya ini tidak menjejas saya secara fizikal," ujarnya.

Sejak itu, pelajar Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) yang berusia 21 tahun itu perlu menjalani pemeriksaan secara kerap dan memakan ubat setiap

hari.

"Pengambilan ubat setiap hari bak satu rutin bagi saya. Alhamdulillah, boleh dikatakan bahawa kesihatan saya sudah agak pulih sekarang, tetapi saya tetap perlu memakan ubat kerana tidak tahu apakah ada lagi serangan susulan," ujarnya.

Lantaran itu bagi projek tahun akhirnya, Cik Nuridah, yang merupakan lulusan Diploma Seni Halus, memilih menenun sulaman.

Menamakan projeknya 'Uncontrollable', Cik Nuridah menganggap menjahit itu bak satu terapi.

"Kerja menjahit ini boleh kita lihat sebagai satu kerja berulang.

"Jika dibandingkan dengan hidup saya, ia sama juga.

"... makan ubat merupakan satu proses yang berterusan bagi saya," katanya lagi.

Ia juga, tambahnya, bertujuan meningkatkan kesedaran tentang cabaran yang dihadapi pesakit seperti beliau.

Projek Cik Nuridah dipilih sebagai antara pemenang pujian Yayasan 2 Woon Brothers dan beliau membawa pulang hadiah wang tunai \$2,000.

Pemenang Anugerah Goh Chok Tong 2016 ini tetap tabah dan menganggap penyakitnya itu sebagai satu cara mendekatkan diri kepada Allah swt.



**PENUH TABAH:** Meskipun mengalami penyakit barah tiroid, Cik Nuridah tetap menjalani hidup harianya dengan penuh tabah dan semangat enggan menyerah kalah. – Foto ZALEHA ABDUL KADER